



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

UMMAH SEJAHTERA, NEGARA TERPELIHARA

Tarikh Dibaca:

**10 SYAABAN 1444H/
3 MAC 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَابْتَانِيَّةُ الْكَمَاجُونِ اِسْلَامِ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

UMMAH SEJAHTERA, NEGARA TERPELIHARA

3 MAC 2023 / 10 SYAABAN 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَى فَلِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ

وَابْنِ السَّبِيلِ كَمَا لَا يَكُونُ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا عَاتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا

نَهَاكُمْ عَنْهُ فَإِنْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۚ

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُهْلِكُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَّا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمِيعِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (**Hadis riwayat Abu Daud**)

Dalam khutbah hari ini, khatib ingin menekankan beberapa topik dengan tajuk: “**Ummah Sejahtera, Negara Terpelihara**”. Lebih kurang 19 hari sahaja lagi kita akan memasuki Bulan Ramadhan al-Mubarak. Maka, persiapkanlah diri dengan gigih memperbanyakkan amal soleh dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan. Semoga kita semua direzekikan untuk bertemu dengan bulan yang mulia itu. Insya-Allah.

Saudaraku, ketika ini sebahagian saudara-saudara kita di Johor, Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan Pahang dan Melaka diuji dengan musibah banjir. Ada yang rumahnya habis ditenggelami air dan kenderaannya hanyut. Mudah-mudahan Allah SWT mengantikannya dengan yang lebih baik. Khatib mengucapkan takziah kepada seluruh mangsa yang terlibat. Tiada daya dan upaya kita melainkan dengan pertolongan Allah jua. Bersabarlah wahai saudara-saudaraku! Sesungguhnya Allah SWT berserta orang-orang yang sabar dan yakinlah bahawa setiap ujian yang dilalui merupakan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Hanya kepada Allah SWT jualah tempat kita berdoa dan memohon pertolongan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada 24 Februari yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Belanjawan Madani 2023 yang menumpukan 12 ikhtiar utama berdasarkan tiga tekad iaitu pemacu ekonomi yang inklusif dan mampan, pembaharuan institusi dan tadbir urus untuk mengembalikan keyakinan dan keadilan sosial untuk menyederhanakan kesenjangan¹. Diharap belanjawan yang dibentang akan memberi manfaat yang adil dan saksama kepada seluruh rakyat dan dinikmati bersama.

Khutbah juga ingin menyatakan kesyukuran kepada Allah SWT dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana dalam pembentangan tersebut ia menunjukkan bahawa Kerajaan memberikan komitmen yang tinggi dalam memartabatkan syiar Islam. Bagi umat Islam, kita wajar mendokong segala usaha kerajaan dalam memartabatkan syiar Islam di negara ini. Kerajaan telah menyediakan peruntukan berkaitan hal ehwal Islam berjumlah

¹ keadaan senjang, ketidak-se-imbangan, kelainan, perbezaan; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

RM 1.5 billion ringgit. Selain itu, peranan imam, bilal, siak/noja/marbut serta guru takmir dihargai dengan pemberian sumbangan khas kepada mereka sebagai tanda terima kasih atas jasa dan keringat mereka dalam usaha pengimaranan masjid di seluruh negara ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam khutbah hari ini juga, khatib ingin menyentuh sedikit tentang tanggungjawab warganegara Malaysia terhadap penghasilan negara melalui pembayaran cukai. Terdapat pelbagai pandangan ulama berkaitan hukum pelaksanaan cukai oleh pemerintah sebagai sumber pendapatan negara mengikut kehendak *maqasid al-syariah*. Keharusan yang diberikan dalam pelaksanaan cukai ini atas justifikasi bahawa setiap hasil cukai bertujuan menampung segala keperluan perbelanjaan negara malah disalurkan semula kepada rakyat melalui penyediaan keperluan kehidupan dan kemudahan infrastruktur negara. Islam menjelaskan bahawa konsep percukaian juga bertujuan memelihara kebajikan bersama iaitu dengan cara golongan kaya membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam meneruskan kehidupan mereka selain kewajipan zakat. Islam melarang kekayaan itu terbku dan hanya berlegar dalam kalangan orang-orang kaya sahaja. Perihal kitaran ekonomi ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 7 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang mana Allah SWT menyatakan bahawa:

كَلَّا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْ كُمْ

Maksudnya: “(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.

Sehubungan itu, khutbah pada hari ini ingin menzahirkan penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bersempena dengan Sambutan Hari Hasil Ke-27 yang disambut pada 1 Mac setiap tahun. Pihak-pihak yang berkewajipan membayar cukai perlu menyedari tanggungjawab mereka dalam perkara ini yang sebenarnya bertujuan memelihara kemakmuran negara dan mensejahterakan seluruh ummah di negara ini dan akhirnya seluruh rakyat dapat merasakan nikmatnya dan memperoleh manfaat bersama.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seperkara lagi yang khatib ingin sentuh, kita perlu bersyukur kerana negara ini kaya dengan kepelbagaian spesis flora dan fauna serta memiliki lebih 60% biodiversiti² yang berperanan penting dalam sistem rantaian yang saling bergantung antara satu sama lain. Allah SWT menciptakan seluruh makhluk-Nya dengan penuh hikmah untuk kita nikmati dan syukuri. Penciptaan alam ini adalah seimbang demi memastikan kelangsungan hidupan dan memakmurkan manusia dengan makhluk-makhluk lain. Hakikatnya, semua yang ada ini adalah milik Allah SWT yang memiliki peranan penting dan mesti dititikberatkan dalam aspek penjagaan dan pemeliharaannya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-A'raf ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَظَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٦٧

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”.

Justeru, pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib ingin menyeru sidang jemaah sekalian agar bersama-sama pihak kerajaan, iaitu Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim (NRECC) khususnya Jabatan Perhilitan bersempena dengan Sambutan Hari Hidupan Liar untuk memelihara khazanah alam yang ada. Sesungguhnya memelihara dan memulihara khazanah alam termasuk hidupan liar ini merupakan tanggungjawab bersama dan ia mempunyai signifikan dan manfaatnya yang akan berbalik semula kepada kita juga.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan khutbah kepada beberapa rumusan;

² kewujudan berbagai-bagai spesies tumbuhan dan haiwan dlm persekitaran semula jadi mereka. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Pertama: Setiap umat Islam wajib mensyukuri segala nikmat kurniaan Allah SWT dan mendokong segala usaha kerajaan dalam rangka memartabatkan syiar Islam di negara ini.

Kedua: Islam menekankan konsep saling membantu antara satu sama lain dan dalam perihal ekonomi, tanggungjawab orang-orang yang berkemampuan dari segi harta ialah dengan mengeluarkan harta mereka demi kemakmuran negara dan kesejahteraan ummah.

Ketiga: Islam turut tidak terkecuali dalam menyeru umatnya memelihara dan memulihara khazanah alam yang mempunyai peranan dan signifikannya dalam sistem rantai yang saling bergantung antara satu sama lain. Khazanah alam ini juga mesti disyukuri dan dimanfaatkan sebaiknya dalam usaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dan mendekatkan diri kepada-Nya.

Firman Allah SWT:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ الْدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ^{٧٧}

Maksudnya: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”. (**Surah al-Qasas ayat 77**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمَوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكَنَا كِبَاوَهِ دُولِي يَعِشْ مِنْهَا
مُولِيَا سَرِيِّ قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوَانِ اكْنُوْغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهِ دُولِي يَعِشْ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَاسِورِيِّ اكْنُوْغُ، تُونِكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ

إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعْرِّ إِلَّا سَلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samsam-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.